



Pengumuman Terkini

Malaysia International Jewellery Fair 2014
Satu pameran barangan kemas yang dunia dinanti-nantikan

KUALA LUMPUR, JUN: Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) telah kembali pada 18 hingga 21 Julai 2014 (Jumaat - Isnin), dari pukul 11 pagi hingga 7 petang, di Kuala Lumpur Convention Centre. Kali ini, penganjur telah berjaya merekrut lebih daripada 200 syarikat barang emas antarabangsa menyertai pameran barangan kemas ini.

Pameran ini menerima sokongan berterusan daripada pelbagai badan kerajaan, iaitu Kementerian Pelancongan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCeb), Hong Kong Jewellery & Jade Manufactures Association (HKJJA) dan Federation of Goldsmiths and Jewellers Associations of Malaysia (FGJAM). MIJF 2014 bermatlamat menguatkan kedudukan Malaysia sebagai hab bisnes barangan kemas yang terutama di dunia dan memperkenalkan negara kita sebagai pusat M.I.C.E yang terunggul di perspektif dunia.

Pada hari pertama MIJF 2014, penganjur telah mengadakan Sesi Penikmatan barang kemas tertutup yang mewah. Kira-kira 20 tetamu jemputan menghadiri sesi swasta ini dengan menikmati koleksi barangan kemas yang disampaikan oleh Maisya Jewellery. Di samping itu, mereka dapat prioriti menikmati dan memahami misteri keping-kepingan barangan kemas yang indah.

Untuk menambah tarikan pameran barang emas ini, satu pertunjukkan fesyen barang kemas yang mempesonakan telah diadakan bersempena dengan MIJF 2014. Ia merupakan satu penghormatan untuk menjemput **Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Senator Dato' Lee Chee Leong** sebagai Tetamu Terhormat untuk melancarkan MIJF yang ke-11. Lebih 230 tetamu jemputan termasuk wakil badan kerajaan, kerabat diraja, duta, menteri-menteri, artis-artis dan orang kenamaan lain menyaksikan Majlis Perasmian MIJF 2014 bersama-sama.

Bersama-sama dengan Majlis Perasmian yang mewah, tetamu juga menikmati Pertunjukkan fesyen barang emas yang dipersembahkan oleh Ameer Philips, Jaipore Jewels, Maisya Jewellery, Supreme Gems, Tomei and Royal Stones. Syarikat-syarikat ini mempersonakan semua penonton dengan koleksi barang kemas mereka di pentas, dan juga dengan persolekan pada model eksklusif yang disediakan oleh Perfect Point Make up.

Sempena MIJF 2014, satu siri seminar bermaklumat percuma telah diaturnya sebagai platform untuk pengalaman profesional berkongsi dengan penonton. Terdapat dua seminar yang bertajuk "Natural South Sea Pearls of Australia" dan "Ruby: The King of Gems" yang dibentangkan oleh Gemological Institute of America (GIA) dan The Gem and Jewelry Institute of Thailand (GIT) masing-masing. Kedua-dua seminar telah berjaya menarik seramai 120 dan 150 pelawat yang menghadiri seminarnya. Pelawat-pelawat mendapat informasi yang lebih luas tentang permata yang berbeza yang digunakan dalam barangan kemas.

Selain itu, FGJAM juga menyampaikan satu seminar yang berkaitan dengan GST yang akan mempengaruhi industri barangan kemas dalam tahun 2015. Seminar ini hanya terbuka kepada ahli-



ahli FGJAM dan ia juga dibahagikan kepada dua sesi: sesi Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina, supaya semua ahli dapat fokus dan memahami kandungan seminar ini. Akhirnya, Gemological Institute of America (GIA) telah menjalankan satu seminar yang lain, bertajuk pemeriksaan berlian. Dalam seminar ini, ia memperkenalkan satu peralatan yang dapat menguji berlian dan mengenal pasti berlian berwarna semulajadi. Di samping itu, seminar ini dibukakan kepada ahli- ahli GIA sahaja.

Untuk sempena dengan MIJF2014, penganjur telah mengadakan majlis anugerah reka bentuk barangan kemas pada hari keempat pameran ini. Kira- kira 120 tetamu menghadiri majlis ini, termasuklah semua pemenang, peserta finalis, ahli- ahli keluarga, guru dan rakan-rakannya. Semua karya pemenang telah diperbuatkan dan menjadi barangan kemas yang benar. Model-model memakai barangan kemas pemenang di atas pentas, semua tetamu dapat menikmati kemuliaan barangan kemas pemenang.

Bekerjasama dengan FGJAM, MIJF terus menyampaikan "Malaysia Premier Pavilion" untuk mempamerkan kemahiran petukangan emas yang terbaik di Malaysia dan barang kemas emas di sekitar rantau Asia Tenggara. "Malaysia Premier Pavilion" telah berjaya mengumpul lebih kurang 30 gerai pameran di tahun ini. Ia merupakan satu kejayaan yang besar untuk memacu dan memantapkan Malaysia sebagai hab pameran utama dalam industri barang kemas.

Walaupun bagaimanapun, FGJAM telah melancarkan "Golden Centennial Galleria", satu pameran yang berkaitan dengan sejarah dalam barang kemas emas, artifak, peralatan, jentera dan sebagainya yang digunakan lebih satu abad dari tahun 1914 sehingga hari ini. "The Golden Centennial Galleria" menjanjikan pameran-pameran atau koleksi-koleksi yang menarik tentang perubahan dan pembangunan dalam industri emas di Malaysia. Kebanyakan pelawat mengunjungi pameran ini dengan menambahkan pengetahuan mereka tentang kesejarahan dan kebelakangan barang- barang kemas emas.

Elite Expo Sdn Bhd telah melaksanakan CSR (Corporate Social Responsibility) dengan bekerjasama dengan NCD Alliance Malaysia supaya menyeru orang ramai menyumbang kepada penyakit kanser. Malaysia International Jewellery Fair akan menyediakan peti sumbangan di pameran tersebut supaya pengunjung MIJF akan menyokong aktiviti yang bermakna ini. Penganjur berasa bersyukur dengan sokongan pelawat- pelawat yang menderma wang kepada mangsa kanser.

Penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama termasuklah pempamer-pempamer kami, Ameer Philips, Axis, Atelier Fine Jewellery Sdn. Bhd., C.N.G International (Thailand) Company Ltd, Perfect Point Make up, Jaipore Jewels (1949) Pte Ltd, Maisya Jewellery, Meiwa Co., Ltd, Public Bank Berhad, Royal Stones, Shills, Supreme Gems Corporation, Tomei Gold & Jewellery Manufacturing Sdn. Bhd., dan WongKaMol (Thailand) Co., Ltd.

MIJF 2014 telah ditamatkan, sila menantikan pameran barang kemas pada tahun 2015! Untuk maklumat terlanjut tentang MIJF 2014, sila layari laman web rasmi MIJF 2014 www.elite.com.my/mijf atau menghubungi penganjur T: +603-5891 1157 atau E: info@eliteexpo.com.my.



MALAYSIA'S LARGEST JEWELLERY FAIR

18 - 21 **JULY** 2014
KL CONVENTION CENTRE



Untuk maklumat terlanjut tentang MIJF 2014, sila menghubungi
Bahagian PR & Komunikasi – Ms. Elaine Wong
Elite Expo Sdn Bhd
Tel: (603) 58911157 ext119
Fax: (603) 58911147
Email: info@eliteexpo.com.my
Website: www.elite.com.my